

K E U S A H A W A N A N

(ETR 300)

TEGUH MUSIC AND VIDEO CENTRE

Penilai:

Puan Norela Nuruddin

Puan Roslena Ahmad

Ahli Kumpulan:

Hamidah Hj. Muhammad (87659441)

Zaiton Abdul Aziz (87633814)

Misliah Ahmad (87666770)

Mohd. Zamberi Othman (87661841)

(Kajian Sebaran Am)

9 Mei 1991

## M U K A D D I M A H

Bersyukur kami ke hadrat Allah s.w.t, kerana dengan berkat dan limpah kurniaNya kami berjaya menyempurnakan Rancangan Perniagaan ini sepenuhnya.

Penyediaan Rancangan Perniagaan ini merupakan satu syarat bagi Matapelajaran ETR 300, yang merupakan satu matapelajaran wajib bagi pelajar semester akhir. Kepentingan matapelajaran Keusahawanan ini memang tidak dinafikan lagi, kerana ia mendidik dan menanam semangat keusahawanan di kalangan para pelajar. Sepanjang menyiapkan Rancangan Perniagaan ini, kami telah berusaha mencari maklumat yang mencukupi walaupun terdapat beberapa masalah yang menyulitkan usaha kami itu. Namun begitu kami telah mendapat sokongan moral daripada pensyarah-pensyarah yang terlibat iaitu, Cik Roslena Ahmad dan Puan Norela Nuruddin. Untuk itu ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka kerana banyak memberi panduan dan tunjuk ajar kepada kami. Terima kasih juga kami ucapkan kepada teman-teman seperjuangan yang banyak memberikan kerjasama.

Akhirnya kami berharap Rancangan Perniagaan yang kami sediakan ini dapat memenuhi kehendak dan syarat bagi matapelajaran ETR300 (Keusahawanan), seterusnya membantu kami menjayakan cita-cita sebagai usahawan dan usahawanis dari Institusi Pengajian Tinggi yang gigih dan berjaya.

Sekian, Terima kasih.

@@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@

TEGUH MUSIC AND VIDEO CENTRE

@@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@

## TEGUH MUSIC AND VIDEO CENTRE

### 1.0 Pengenalan

Perniagaan yang kami jalankan bertumpu kepada perkhidmatan sewaan pita video serta jualan kaset.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pemilihan jenis perniagaan ini:-

#### i) Situasi Semasa

Memandangkan perkembangan sains dan teknologi masa kini begitu hebat, maka ia turut mempengaruhi penghasilan alat-alat elektronik dan moden dalam pelbagai bidang termasuk bidang hiburan.

Bila bercakap tentang hiburan, alat perakam video dan kaset sudah tidak asing lagi kepada masyarakat masa kini.

Rata-rata rakyat di Malaysia telah memiliki alat perakam video di rumah masing-masing. Oleh itu mereka tidak lagi pergi menonton filem di panggung-panggung wayang. Dengan tertubuhnya Teguh Music

and Video Centre ini dapatlah mereka menyewa pita video serta membeli kaset-kaset yang mereka minati.

ii) Potensi Untuk Berkembang

Berdasarkan kejiseldik yang kami lakukan, di dapati bahawa hampir 60% daripada penduduk Shah Alam mempunyai alat perakam video dan kaset.

Kami juga mendapati sambutan yang diberikan adalah amat menggalakkan kerana tiada kedapatan panggung wayang di sekitar Shah Alam dan masyarakat lebih bertumpu kepada video. Selain daripada itu minat terhadap muzik sama ada muzik tempatan atau luar negeri adalah begitu luas sama ada dari kalangan generasi muda mahupun yang tua.

Salah satu faktor penting yang membolehkan perniagaan ini berkembang ialah kurangnya bilangan pesaing. Lagipun perkhidmatan yang kami tawarkan ini agak berbeza dari pusat video dan muzik yang sedia ada di sekitar Shah Alam.

Perbezaan ini kerana kami menawarkan perkhidmatan sewaan dan jualan secara serentak. Ini bermaksud selain menjual kaset lagu kami juga menyewakan pita video.